

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 6 MAC 2018

RUJUKAN : 10541

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa pihak polis telah mengarahkan kubur-kubur di Wang Kelian untuk dimusnahkan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas pihak polis serta sindiket pemerdagangan manusia yang terlibat.

155

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

PDRM tidak pernah memusnahkan kubur-kubur tersebut sebaliknya dengan bantuan Bahagian Forensik PDRM, semua kubur yang dijumpai telah digali dan semua rangka manusia yang dijumpai telah dihantar ke hospital untuk pemeriksaan patologi oleh pakar bedah siasat. PDRM tidak mempunyai sebarang bukti yang menunjukkan ada pegawai polis terlibat dalam kes ini.

Walau bagaimanapun, PDRM telah mengenal pasti 10 orang warganegara Thailand dan seorang warganegara Bangladesh yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan tersebut. Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri telah mengambil tindakan bagi melaksanakan proses ekstradisi ke atas semua individu terlibat namun masih tiada sebarang perkembangan lanjut daripada kedua-dua negara.